

23/05/2000

Umno wajar utamakan tiga perkara penting

Kamal Ahmad

UMNO perlu melakukan banyak tindakan susulan selepas parti itu selesai melangsungkan Perhimpunan Agung ke-54, pada 13 Mei lalu, terutama berdasarkan analisis terhadap kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika memberi ucapan dasar Presiden di hari pertama dan menggulung perbahasan di akhir persidangan.

Inti pati daripada ucapan dan perbahasan itu, adalah dirasakan beberapa perkara penting perlu diberi perhatian oleh Umno ialah:

- * Merancang kaedah pemantauan dan susulan terhadap semua projek serta usaha Umno ke atas pelajar yang ditaja ke pusat pengajian tinggi;
- * Sokongan setiap individu sektor perkhidmatan awam dan agensinya; dan
- * Peranan masjid dan generasi muda.

Program mendampingi pelajar dan belia mungkin boleh diserapkan dengan menggerakkan semula Majlis Belia Negara yang sama statusnya seiring Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) selain mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Belia yang bakal dipengerusikan oleh Dr Mahathir.

Setiap Exco Pemuda Umno perlu diberi tanggungjawab menjadi abang angkat kepada pusat pengajian tinggi dalam usaha mendampingi pelajar. Ini boleh dilakukan dengan memastikan Pemuda merangka dasar program abang angkat itu dan Exco yang terbabit menghalusinya mengikut kesesuaian kampus.

Bagi masjid, memandangkan kerajaan yang membinanya, adalah menjadi tanggungjawab Umno menguruskan rumah Allah itu. Memang benar sebagaimana yang ditempelak oleh Dr Mahathir iaitu jika kita tidak menggunakan masjid, orang lain (Pas) akan menggunakannya bukan untuk menyebarkan dakwah tetapi melancarkan serangan dakyah memecahbelahkan umat Islam. Masjid adalah institusi strategik yang selama ini dimonopoli Pas. Pas juga menggunakan masyarakat di sekolah, kampus dan agensi kerajaan untuk menentang Umno.

Justeru, cawangan-cawangan Umno bertanggungjawab mengurus masjid dan mengadakan aktiviti mengimarahkan rumah Allah itu.

Program mendekati kakitangan sektor awam dan agensinya boleh dilakukan lebih kerap oleh anggota Majlis Tertinggi (MT) atau Naib Presiden yang mengetuai sesebuah kementerian.

* Menyusun semula struktur dan jentera Umno bahagian yang boleh dianggap sebagai jantung parti. Tumpuan kerja yang perlu disusun dan dilaksanakan ialah program turun ke padang serta mendampingi akar umbi. Pertemuan pemimpin Umno bahagian perlu dikerapkan, malah sesuai jika dilakukan pada minggu MT Umno tidak mengadakan mesyuarat. Ini dilakukan supaya keputusan setiap kali mesyuarat MT yang berkaitan tindakan atau makluman untuk akar umbi boleh disalurkan terus ke bahagian tanpa tertangguh lagi.

Mesyuarat bahagian selain melaksanakan arahan MT, boleh membincangkan masalah yang berbangkit pada peringkat cawangan yang membabitkan kepentingan akar umbi. Cara ini berkesan berbanding tempoh setahun sekali ketika mesyuarat perwakilan bahagian bagi membolehkan cawangan membangkitkan masalah mereka.

Bukti keberkesanan mesyuarat yang lebih kerap ialah keupayaan MT mengesan masalah dalam parti dan negara serta menyusun langkah menanganinya. Jadi, kesan mesyuarat bahagian ialah mengenal pasti masalah pada peringkat itu dan menanganinya.

* Sebagaimana iltizam Ahli MT, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, untuk memujuk rakan-rakannya yang kini menyertai pembangkang, usaha yang sama perlu dilakukan oleh setiap ahli dan pemimpin Umno lain. Ini kerana tindakan memecat ahli yang menyokong pembangkang dalam pilihan raya tidak memberi

faedah sebaliknya menyebabkan tugas parti bertambah apabila terpaksa menangkis serangan balas atau dendam ahli yang dipecat.

Seperti kata Dr Mahathir: "Hendak kita singkir semuanya? Kalau satu dua orang tidak mengapa. Tetapi kalau 100; 200; 1,000; 2,000 kita singkirkan apabila ada saja aduan, maka Jawatankuasa Pengurusan membuat cadangan kepada MT singkirkan mereka. Akhirnya Umno menjadi semakin kecil dan apabila ramai yang tersingkir itu marah, mereka akan berusaha menggagalkan Umno, maka sukar bagi kita memenangi pilihan raya. Tidak susah membetulkan mereka kerana kita di pihak yang benar."

* Forum seperti Perhimpunan Agung Umno perlu dijadikan tempat terbaik untuk melakukan cermin diri dan menegur pemimpin selagi ia dilakukan secara profesional dan tatasusila. Kesediaan pucuk pimpinan ditegur semakin jelas apabila Dr Mahathir berkata: "... saya tidak ada perasaan marah ataupun tersinggung, ataupun kecewa kalau teguran dibuat terhadap diri saya, kerana saya di sini kerana Umno. Umno yang memilih saya. Umno yang memberi tempat kepada saya. Tidak mungkin saya jadi Perdana Menteri jika Umno tidak memilih saya untuk menjadi Presiden."

"Sebab itu saya berasa amat terhutang budi kepada Umno, dan kalau Umno berasa hendak tegur, itu adalah hak Umno kerana Presiden adalah milik Umno."

* Ahli dan pemimpin perlu sedia menghadapi perubahan sosio budaya masyarakat yang sebahagiannya lebih condong menentang kerajaan. Dr Mahathir menyifatkan Umno sebagai 'masyarakat yang terkepung' dan perlu mencari formula untuk meneruskan kelangsungannya dalam suasana yang tertekan. Selain menegur, MT wajar memikirkan bagaimana pembahas yang baik dipilih untuk menjamin mutu perbahasannya tinggi.

* Mengambil iktibar daripada kesetiaan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang melalui pelbagai rintangan sebelum menduduki kerusi kedua tertinggi parti sekarang. Pengalaman yang hampir serupa juga dilalui oleh dua Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Ahli dan pemimpin perlu taat kepada parti dan setia kepada pucuk pimpinan.

* Kesediaan untuk menumpahkan kesetiaan kepada Abdullah kerana Dr Mahathir sudah memperakukan timbalannya itu sebagai pengganti apabila beliau bersara. Mesej di sini ialah tidak wajar wujud keinginan di kalangan pemimpin pada lapis ketiga untuk menarik Abdullah turun. Malah Abdullah juga wajar merenung sejarah beberapa timbalan Dr Mahathir sebelum ini untuk menetapkan pendiriannya daripada melakukan sesuatu tindakan yang akhirnya merugikan beliau. Bagaimanapun, ahli tetap dinasihatkan supaya kesetiaan kepada seseorang pemimpin harus dilenyapkan jika pemimpin terbabit melakukan sesuatu yang merosakkan Umno, Melayu, Islam dan negara.

* MT Umno wajar memikirkan kedudukan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Wanita Umno. Sejarah kemenangan 47 undi oleh Dr Mahathir terhadap Tengku Razaleigh Hamzah, pada pemilihan Presiden 1987 wajar disesuaikan dengan kes Siti Zaharah yang masih mempunyai sokongan daripada separuh perwakilan Wanita dan cuma kurang 12 undi berbanding Datuk Seri Rafidah Aziz. Memandangkan adat kekalahan akan disusuli dengan kekecewaan, MT khususnya Wanita wajar memikirkan bagaimana separuh daripada perwakilan dan ahli Wanita di belakang Siti Zaharah akan terus ada dalam gelanggang dan menjadi penggerak utama jentera kempen parti.

* Saranan merapatkan barisan yang perlu dilakukan segera perlu diambil perhatian ahli dan pemimpin Umno. Penyertaan sembilan calon Naib Presiden dalam pemilihan lalu wajar memberi sesuatu pengalaman baru kepada Umno. Ia perlu turut dilihat dari sudut negatif walaupun keadaan itu membuktikan demokrasi dalam Umno subur. Memandangkan sembilan calon bertanding dan memiliki penyokong sendiri, kekalahan seorang daripada mereka pasti

memberi kesan terhadap lapan pihak lain. Jika enam calon tewas maka sebenarnya wujud kesan terhadap `48 pihak lain'.

Justeru, MT Umno wajar menyediakan sukatan atau piawaian untuk calon yang bertanding bagi jawatan tertentu supaya ia tidak boleh ditandingi sewenang-wenangnya.

Kekalahan semua calon terdiri daripada Menteri Besar dan Ketua Menteri juga wajar diteliti kesannya terhadap struktur MT dan parti. Ini termasuk kesan jika dia tidak dilantik oleh Presiden sebagai Ahli MT.

Bagaimanapun jika setiap calon Naib Presiden sama ada yang menang atau kalah, memberi komitmen untuk merapatkan semula barisan - ia perlu diterima secara positif oleh semua pihak. Umno perlu menginsafi tugas dan tanggungjawabnya terhadap bangsa Melayu, Islam dan negara. Asas untuk melaksanakannya ialah perpaduan parti.

Sesungguhnya Dr Mahathir dari semasa ke semasa sentiasa mengingatkan ahli Umno dan rakyat mengenai kesan perpaduan dan keharmonian yang menjadi tunggak kekuatan dalam semua organisasi atau institusi. Hanya melalui kekuatan program pembangunan organisasi dapat disusun.

(END)